

BAHAGIAN 1

PANDUAN PENDAFTARAN FIRMA PERUNDING

BAHAGIAN 1

PANDUAN PENDAFTARAN FIRMA PERUNDING

1. CARA MEMOHON

- 1.1 Permohonan Pendaftaran Firma Perunding hendaklah dibuat melalui Laman Web: www.eperolehan.com.my
- 1.2 Segala maklumat dan penerangan mengenai Pendaftaran Firma Perunding di Kementerian Kewangan Malaysia boleh diperolehi daripada Laman Web tersebut.

2. BAYARAN YANG DIKENAKAN

- 2.1 Kadar bayaran yang dikenakan adalah **RM450.00** bagi Pendaftaran Baru/Semula dan Pembaharuan.
- 2.2 Bagi Pendaftaran Tambah Bidang tiada bayaran dikenakan.
- 2.3 Pembayaran boleh dibuat sama ada:
 - 2.3.1 Dalam bentuk Kiriman Wang/Wang Pos/Draf Bank/Cek dan hendaklah dibuat atas nama **COMMERCE DOT COM SDN. BHD.** serta dipalang "TIDAK BOLEH DINIAGAKAN" ("A/C Payee Only") dan diposkan atau dikemukakan sendiri dialamat berikut:-
 - 2.3.2 Melalui pos atau datang sendiri ke alamat berikut:-

Bahagian Pengurusan Perolehan Kerajaan,
Kementerian Kewangan Malaysia,
Kaunter ePerolehan,
Aras Bawah, Blok Utara,
Kompleks Kementerian Kewangan,
Presint 2,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62592 PUTRAJAYA.

Telefon : 03-88823166 / 88824339 / 88824341

Atau

Commerce Dot Com Sdn. Bhd.,
Tingkat 2, Wisma Amtek,
No.15, Jalan Tandang,
46050 Petaling Jaya,
Selangor Darul Ehsan.

Telefon : 03-79857777 / 7888

2.3.3 Pembayaran Kredit Terus dengan cek atau tunai:

- i) Dimana-mana cawangan Malayan Banking Bhd. atas nama **Commerce Dot Com Sdn. Bhd.** ke dalam akaun nombor **562142800978**.
- ii) Nombor Pendaftaran Kementerian Kewangan (contoh: **357-xxxxxxx**) dan Nama Syarikat hendaklah dicatatkan di ruang keterangan urusan di slip deposit Maybank.

2.3.4 Bagi pembayaran yang menggunakan cek luar kawasan, tuan/puan dikehendaki menambah jumlah bayaran dengan mengambil kira bayaran komisyen sebanyak RM0.50.

- 2.4 Sila pastikan sesalinan surat kelulusan disertakan semasa bayaran dibuat.
- 2.5 Bayaran hendaklah dibuat selepas menerima surat kelulusan. Pihak Kementerian tidak akan bertanggungjawab di atas kehilangan draf bank, wang pos dan sebagainya yang dikemukakan bersama borang permohonan.
- 2.6 Kementerian Kewangan akan menyediakan Sijil Akuan Pendaftaran selepas bayaran pendaftaran dijelaskan. Sijil akan dihantar terus melalui pos laju setelah disiapkan.

3. SYARAT-SYARAT UNTUK MENDAFTAR

- 3.1 Firma hendaklah mempunyai modal terkumpul/berbayar seperti berikut:-
 - 3.1.1 Firma Perseorangan - RM10,000 dan ke atas.
 - 3.1.2 Firma Perkongsian - RM20,000 dan ke atas.
 - 3.1.3 Firma Sdn. Bhd. - RM20,000 dan ke atas.
 - 3.1.4 Pengurusan Projek - RM100,000 ke atas.
 - 3.1.5 Pengurusan Kajian Alam Sekitar - RM100,000 ke atas.
- 3.2 Firma Perunding hendaklah mempunyai pejabat yang sah sama ada disewa atau milik sendiri. Pejabat Setiausaha Syarikat, Perunding Pecucuaian, pasar, gerai dan kantin yang tidak mempunyai pejabat tidak dibenarkan bagi tujuan pendaftaran.
- 3.3 Firma hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya seorang subprofesional dan kerani sebagai pekerja tetap tidak termasuk Pengurus Syarikat yang dicarum dengan KWSP.
- 3.4 Firma hendaklah mempunyai akaun semasa bank yang aktif.
- 3.5 Bidang-bidang yang dipohon untuk didaftar hendaklah selaras dengan bidang yang dinyatakan dalam surat kelulusan yang dikeluarkan oleh Lembaga Profesional yang berkaitan atau badan kawalan yang diiktiraf.
- 3.6 Setiap pemilik Firma hendaklah mempunyai kelulusan profesional dalam bidang yang dipohon/didaftarkan mengikut peruntukan undang-undang yang berkuatkuasa.
- 3.7 Kesemua pemilik saham/perkongsian hendaklah mempunyai pengalaman bekerja selama sekurang-kurangnya **lima (5) tahun** setelah mendapat ijazah akademik. **Bagi Bidang Pengurusan Projek sekurang-kurangnya sepuluh (10) tahun pengalaman.**
- 3.8 Permohonan Firma Perunding yang pemilikan sahamnya atas nama nomini atau korporat tidak boleh diterima.

- 3.9 Pemilik saham hendaklah juga bertugas sebagai Pengarah sepenuh masa.
- 3.10 Bagi profesion yang etika perkhidmatannya yang dikawal oleh Lembaga Profesional, pemilik saham/perkongsian diwajibkan berdaftar dengan Lembaga Profesional masing-masing mengikut mana-mana bidang yang dipohon untuk didaftarkan. Bidang pendaftaran akan ditentukan mengikut bidang yang diluluskan oleh Lembaga Profesional kepada pemilik/perkongsian sebagai pengiktirafan/tauliah sebagai Perunding Profesional.
- 3.11 Bagi profesion yang etika perkhidmatannya masih belum dikawal oleh Lembaga Profesional tertentu, bidang yang dipohon untuk didaftarkan hendaklah berdasarkan kelulusan akademik dan pengalaman bekerja pemilik/perkongsian.
- 3.12 Firma Perunding juga dikehendaki mengemukakan permit/perakuan dari pertubuhan perbadanan untuk menjalankan amalan perunding Profesional sebagai mematuhi peruntukan Akta yang dikeluarkan oleh Lembaga Profesional masing-masing mengikut bidang.

3.13 Pemilikan Saham Oleh Bukan Warganegara Malaysia

- 3.13.1 Firma-firma tempatan yang sahamnya, dimiliki oleh bukan warganegara Malaysia, melebihi 30% secara individu/terkumpul adalah dikira sebagai Firma Antarabangsa dan boleh didaftarkan mengikut para 6.3.2.
- 3.14 Setiap Firma dikehendaki memiliki sekurang-kurangnya seorang pemilik saham, seorang Sub-Profesional dan seorang kerani yang bekerja sepenuh masa. Bagi Firma Ukur Tanah adalah diwajibkan mempunyai sekurang-kurangnya satu pasukan ukur secara tetap yang terdiri dari Juruukur, Juruteknik & Pelukis Pelan.

4. SYARAT AM BAGI PENDAFTARAN BIDANG ALAM SEKITAR DAN PENGURUSAN PROJEK

4.1 Pengurusan Alam Sekitar

- 4.1.1 Pemilik saham terdiri daripada komposisi pemegang setiap kelayakan-kelayakan seperti berikut:-
- (i) Jurutera berdaftar dengan Lembaga Jurutera Malaysia.
 - (ii) Juruukur Bahan/Arkitek berdaftar dengan LJBM atau

LAM.

(iii) Ekonomi/Akauntan berdaftar dengan MIA.

(iv) Sains Fizik/Kimia/Ekologi atau setara.

4.1.2 Pengalaman kerja minima 10 tahun bagi setiap pemilik selepas mendapat ijazah dan salah seorang pemilik hendaklah berdaftar dengan Jabatan Alam Sekitar.

4.1.3 Semua Pemilik hendaklah dilantik sebagai Pengarah.

4.1.4 Ekuiti majoriti dari komposisi 4.1.1 (i) dan 4.1.1 (ii).

4.1.5 Sekurang-kurangnya 3 orang Sub-Profesional berkelulusan Diploma atau setaraf dan kerani yang dicarum dalam KWSP.

4.2 Pengurusan Projek

4.2.1 Pemilik saham terdiri daripada komposisi pemegang setiap kelayakan-kelayakan seperti berikut:-

(i) Jurutera berdaftar dengan Lembaga Jurutera Malaysia.

(ii) Juruukur Bahan/Arkitek berdaftar dengan LJBM atau LAM.

(iii) Ekonomi/Akauntan hendaklah berdaftar dengan MIA.

4.2.2 Pengalaman kerja minimum 10 tahun bagi setiap pemilik selepas mendapat ijazah.

4.2.3 Semua pemilik hendaklah dilantik sebagai pengarah.

4.2.4 Ekuiti majoriti dari komposisi 4.2.1 (i) dan 4.2.1 (ii).

4.2.5 Sekurang-kurangnya 3 orang Sub-Profesional berkelulusan diploma dan kerani yang dicarum dalam KWSP.

5. DOKUMEN-DOKUMEN YANG PERLU DISERTAKAN BERSAMA BORANG PERMOHONAN

5.1 Memorandum and Articles of Association (MAA), Form of Annual Return terkini, Borang 32A, Borang A/B, Borang 24 dan Borang 49

yang disahkan oleh Unit Syarikat, Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) atau Setiausaha Syarikat Berlesen yang jelas terdapat nama, nombor lesen dan tarikh terbaru pengesahan dibuat pada cop asal Setiausaha Syarikat berkenaan atau Borang A atau B dan Borang D yang dikeluarkan oleh Unit Perniagaan, SSM bagi Firma Perseorangan/Perkongsi.

- 5.2 Salinan surat pendaftaran dari Lembaga berkaitan dengan Firma yang masih berkuatkuasa yang disahkan oleh Lembaga berkenaan.
- 5.3 Salinan ijazah, salinan Pendaftaran Lembaga dan CV bagi semua pemilik, pengarah dan kakitangan Profesional dan Sub-Profesional firma.
- 5.4 Salinan surat perjanjian sewa pejabat yang disetemkan di pejabat cukai setem dan salinan resit pembayaran sewa untuk tiga (3) bulan terakhir atau salinan surat hak milik, jika pejabat milik sendiri.
- 5.5 Salinan penyata akaun bank tiga (3) bulan terakhir dan salinan dokumen kemudahan kewangan yang diperolehi dari Institusi kewangan seperti overdraf, letter of credit, jaminan bank atau lain-lain hendaklah disertakan.
- 5.6 Borang penyata pengesahan caruman KWSP (Borang A) dan resit pembayaran caruman daripada KWSP bagi pekerja firma untuk tempoh tiga (3) bulan terkini.
- 5.7 Surat pengesahan daripada bank-bank mengenai kuasa tandatangan cek firma. Cek-cek firma tidak boleh ditandatangani oleh mereka yang tiada kaitan dengan firma.
- 5.8 Lesen yang sah dan masih berkuatkuasa bagi bidang tertentu yang dikehendaki oleh Undang-undang yang sedang berkuatkuasa tertakluk di bawah Akta Lembaga masing-masing.
- 5.9 Peta lakar yang menunjukkan kedudukan alamat firma/pejabat bagi tujuan pemeriksaan. Petunjuk hendaklah dibuat dari bandar yang terdekat. Lokasi mercu tanda yang mudah dikenalpasti hendaklah dimasukkan dalam peta tersebut.

6. DASAR PENDAFTARAN

6.1 Pendaftaran firma di Kementerian Kewangan hanya boleh dibuat setelah firma wujud iaitu telah didaftarkan sama ada di Unit Syarikat atau Unit Perniagaan di SSM dan Lembaga masing-masing. Firma/syarikat juga perlulah membuktikan ianya beroperasi sepenuhnya dan mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan.

6.2 Firma yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan akan dikelaskan sebagai berikut:-

6.2.1 Daftar Biasa

Firma ini dimiliki sepenuhnya oleh Warganegara Malaysia. Komposisi pemilikan saham, Lembaga Pengarah pengurusan dan kakitangan juga adalah warganegara Malaysia.

6.3 Kementerian Kewangan juga mendaftarkan firma yang melibatkan pemilikan saham dari kalangan Bukan Warganegara Malaysia tertakluk di bawah Akta Lembaga masing-masing dengan pengelasan seperti berikut:-

6.3.1 Usahasama Tempatan Asing

Firma hendaklah ditubuhkan di Malaysia dengan pemilikan saham warganegara asing tidak melebihi 30% dan warganegara Malaysia Bumiputera tidak kurang daripada 30%. Lembaga Pengarah, Pengurusan dan kakitangan hendaklah mengikut peratusan yang sama.

6.3.2 Usahasama Bumiputera Asing

Firma hendaklah ditubuhkan di Malaysia dengan pemilikan saham warganegara asing tidak melebihi 49%, warganegara Malaysia Bumiputera tidak kurang daripada 51%. Lembaga Pengarah, Pengurusan dan kakitangan hendaklah mengikut peratusan yang sama.

7. PERINGATAN

7.1 Kegagalan syarikat mengemukakan dokumen yang diminta di **para 5** boleh mengakibatkan permohonan syarikat **DITOLAK**.

7.2 Semua maklumat dan dokumen yang diberi hendaklah sah dan benar. Jika terdapat pemalsuan maklumat atau dokumen, permohonan pendaftaran akan **ditolak atau pendaftaran akan dibatalkan** jika kelulusan telah diberi.

- 7.3 Kementerian Kewangan berhak menyemak maklumat dan dokumen syarikat bagi memastikan ianya adalah sah dan benar.
- 7.4 Dalam urusan perolehan, pakatan harga adalah dilarang sama sekali. Oleh yang demikian sebarang keadaan atau kemungkinan yang mana pada pandangan Kementerian ini boleh membawa kepada mengakibatkan pendaftaran sesuatu syarikat di Kementerian ini ditolak antaranya ialah:-
- 7.4.1 Syarikat Bersekutu pegangan, induk dan anak syarikat tidak boleh berdaftar di bawah bidang/sub-bidang yang sama.
- 7.4.2 Dua (2) atau lebih firma berlainan yang menjalankan aktiviti yang sama atau beroperasi di premis yang sama tidak boleh berdaftar dalam bidang yang sama.
- 7.4.3 Seorang pemilik modal yang sama dalam dua (2) atau lebih syarikat tidak akan didaftarkan dalam bidang yang sama. Oleh itu adalah menjadi tanggungjawab pemohon menjelaskan/mengisytiharkan pemilikan modal mereka di dalam syarikat-syarikat lain. Jika gagal berbuat demikian nama beliau akan disenaraihitamkan dan semua syarikat di mana beliau ada mempunyai kepentingannya akan disemak semula dan boleh dibatalkan pendaftarannya.
- 7.4.4 Dua (2) atau lebih firma yang mempunyai pemilik pengarah, pengurusan yang sama **tidak boleh berdaftar** dalam bidang yang sama.
- 7.5 Firma hanya dibenarkan memohon bidang yang berkaitan dengan kelayakan profesional pemilik. Permohonan tambah bidang hanya dibenarkan bagi bidang yang telah mendapat kelulusan dari Lembaga Profesional berkenaan.
- 7.6 Permohonan tambah bidang hanya akan dipertimbangkan sekali dalam tempoh tiga (3) bulan selepas tarikh sijil pendaftaran/pembaharuan/tambah bidang dikeluarkan dan tertakluk kepada Akta Lembaga masing-masing.
- 7.7 Permohonan tambah bidang dan pembaharuan hendaklah dihantar secara berasingan bagi mengelakkan salah satu permohonan tidak diproses.
- 7.8 Surat kelulusan dan sijil pendaftaran akan di pos kepada firma mengikut alamat yang diberikan.

- 7.9 Surat kebenaran untuk menyertai sesuatu tender/sebutharga tidak akan dikeluarkan. Tender/sebutharga hanya boleh disertai oleh syarikat-syarikat yang telah berdaftar sahaja.
- 7.10 Bagi kes kehilangan sijil pendaftaran, salinan laporan polis hendaklah disertakan bagi mendapatkan sijil gantian yang baru.

8. PERTANYAAN

- 8.1 Sebarang pertanyaan boleh dikemukakan kepada:-

Bahagian Pengurusan Perolehan Kerajaan,
Kementerian Kewangan Malaysia,
Aras Bawah, Blok Utara,
Komplek Kementerian Kewangan,
Presint 2,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62592 PUTRAJAYA.

(u.p.: Unit Pendaftaran Pembekal/Perunding)

Atau

Telefon : **03-88823166 / 88824339 / 88824341**